

JAILANI OMAR
Penolong Pegawai Penguatkuasa
Ibu Pejabat Perhutanan
Semenanjung Malaysia

**PEKELILING KPPSM BILANGAN 2 TAHUN 2009
TATACARA PENGENDALIAN OPERASI PENGUATKUASAAN
HUTAN**

PRAKATA

Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.



Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) sebagai agensi terunggul dalam pengurusan hutan tropika secara berkekalan sememangnya memandang berat mengenai isu pencerobohan hutan dan pembalakan haram kerana secara langsungnya memberi kesan negatif ke atas biodiversiti, kualiti hutan dan alam sekitar. Selaras dengan ini, JPSM telah memberi perhatian serius dan komited terhadap usaha-usaha penguatkuasaan yang berterusan untuk membanteras kegiatan pembalakan haram yang tidak bertanggungjawab ini sejak dari dahulu lagi. Walau bagaimanapun, kegiatan ini masih lagi berlaku dan malah telah mendapat liputan yang meluas daripada media tempatan serta menjadi perhatian yang serius diperingkat tempatan dan antarabangsa.

Semenjak saya mengambil alih tumpuk kepimpinan JPSM, isu pembalakan haram adalah di antara topik utama yang sentiasa diberi penekanan. Beberapa usaha telah dijalankan, bagi mengenalpasti suatu pendekatan penguatkuasaan yang lebih proaktif dalam membanteras kegiatan pembalakan haram dan sekaligus usaha ini, akan meningkatkan imej dan kepercayaan kerajaan kepada JPSM yang telah dipertanggungjawabkan untuk menjaga khazanah hutan negara. Sebagai satu langkah penting ke arah merealisasikan hasrat ini, usaha-usaha untuk memperkemaskan operasi penguatkuasaan, penyiasatan dan pendakwaan kes kesalahan hutan di mahkamah telah menjadi satu keperluan yang utama dalam usaha memastikan pemantapan dan keseragaman tindakan penguatkuasaan hutan dilaksanakan di semua negeri. Menyedari akan hakikat ini, JPSM telah menubuhkan Jawatankuasa Petugas Penyediaan Tatacara Penguatkuasaan Hutan bagi menyemak dan memperincikan tatacara dan panduan berkaitan dengan penguatkuasaan hutan bagi menyeragamkan perlaksanaannya untuk memastikan aktiviti penguatkuasaan hutan akan lebih cekap dan berkesan bagi membanteras dan memecahkan rangkaian sindiket pembalakan haram di negara ini.

Justeru itu, saya amat bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan izinNya telah membolehkan jawatankuasa petugas ini menyiapkan **Tatacara Pengendalian Operasi Penguatkuasaan Hutan dan Tatacara Menjalankan Pendakwaan Kes-kes Kesalahan Hutan di Mahkamah sesyen/Majistret di Semenanjung Malaysia** untuk rujukan dan panduan yang komprehensif serta bermanfaat bagi seluruh warga kerja perhutanan terutamanya khas untuk pegawai penguatkuasa, pegawai penyiasat dan pegawai pendakwa. Saya ingin merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada Y.Bhg. Dato' Razani bin Ujang selaku Pengurus Jawatankuasa Petugas Penyediaan Tatacara Penguatkuasaan Hutan dan semua ahli jawatankuasa petugas yang telah terlibat dalam penyemakan dan penyediaan tatacara ini. Penghargaan juga dipanjangkan kepada pegawai-pegawai lain di atas sumbangan mereka dalam menjayakan penyediaan tatacara ini.

Sekian, terima kasih.

Y. Bhg. Dato' Seri Azahar bin Muda

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Dato' Seri Azahar bin Muda". The signature is fluid and stylized, with a large, prominent "D" at the beginning.

ISI KANDUNGAN

Perkara	Muka surat
<i>Prakata</i>	i
<i>Penghargaan</i>	ii
<i>Isi Kandungan</i>	iii

PEKELILING KPPSM BILANGAN 2 TAHUN 2009 :

TATACARA PENGENDALIAN OPERASI PENGUATKUASAAN HUTAN

1.0 Tujuan	1
2.0 Latarbelakang	1
3.0 Peruntukan Kuasa yang berkaitan dengan Penguatkuasaan Hutan	2
4.0 Tindakan Penguatkuasaan Hutan	4
4.1 Perancangan	4
4.2 Aduan	4
4.3 Maklumat Risikan	4
5.0 Operasi Penguatkuasaan Hutan	5
5.1 Pemeriksaan Kawasan Lesen Pengusahasilan	5
5.1.1 Arahan Sebelum Operasi Pemeriksaan	5
5.1.2 Arahan Semasa Operasi Pemeriksaan	7
5.1.3 Arahan Selepas Operasi Pemeriksaan	8
5.2 Pemeriksaan Kawasan Berhutan	12

5.2.1	Arahan Sebelum Operasi Pemeriksaan	12
5.2.2	Arahan Semasa Operasi Pemeriksaan	14
5.2.3	Arahan Selepas Operasi Pemeriksaan	17
5.3	Pemeriksaan Hasil Hutan Dalam Transit	19
5.3.1	Arahan Sebelum Operasi Pemeriksaan	19
5.3.2	Arahan Semasa Operasi Pemeriksaan	21
5.3.3	Arahan Selepas Operasi Pemeriksaan	25
6.0	Prosedur Penyitaan	27
7.0	Prosedur Tangkapan	27
8.0	Prosedur Laporan Polis	28
9.0	Arahan Am	29
10.0	Tarikh Kuatkuasa	30
Lampiran:		
Lampiran A	Carta Aliran Pengendalian Operasi Penguatkuasaan Hutan	31
Lampiran B	Aspek Pemeriksaan Kawasan Lesen Pengusahasilan	46
Lampiran C	Borang Sitaan	49
Lampiran D	Borang Serahan Barang-barang Kes	50
Lampiran E	Aspek Pemeriksaan Kawasan Berhutanan	51
Lampiran F	Borang Maklumat Aduan Pelanggan	53



PEKELILING KETUA PENGARAH PERHUTANAN SEmenanjung MALAYSIA BILANGAN 2 TAHUN 2009

TATACARA PENGENDALIAN OPERASI PENGUATKUASAAN HUTAN

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk menerangkan tatacara dan panduan dalam mengendalikan operasi penguatkuasaan hutan di bawah Akta Perhutanan Negara 1984 dan Kaedah-Kaedah Hutan yang perlu dipatuhi oleh Pegawai Hutan.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Penguatkuasaan adalah bertujuan untuk mencegah dan membanteras kesalahan hutan di dalam kawasan lesen pengusahaan, kawasan berhutan iaitu Hutan Simpanan Kekal dan Hutan Tanah Kerajaan serta hasil hutan dalam transit.
- 2.2 Pekeliling ini disediakan sebagai panduan kepada pegawai hutan dan agensi penguatkuasaan yang lain (jika berkaitan) di dalam melaksanakan operasi penguatkuasaan dengan lebih terancang, teratur, efisyen dan berkualiti.
- 2.3 Pekeliling ini mengandungi prosedur penguatkuasaan hutan yang meliputi kuasa-kuasa yang diperuntukkan di bawah perundangan hutan; kaedah operasi penguatkuasaan; arahan-arahan operasi yang dipecahkan kepada arahan sebelum operasi, semasa operasi dan selepas operasi; prosedur penyitaan; prosedur tangkapan; prosedur membuat laporan Polis; dan arahan am yang berkaitan.

- 2.4 Secara amnya, aktiviti penguatkuasaan hutan adalah untuk menguatkuasakan undang-undang hutan iaitu Akta Perhutanan Negara, 1984 (APN 1984), dan Kaedah-Kaedaah Hutan (KKH).
- 2.5 Pekeliling ini menjelaskan lagi prosedur penguatkuasaan hutan yang terkandung di dalam Bab 16: Penguatkuasaan Undang-undang, Manual Perhutanan 2003.
- 2.6 Carta Aliran Pengendalian Operasi Penguatkuasaan Hutan adalah sebagaimana dalam **Lampiran A**.

3.0 PERUNTUKAN KUASA YANG BERKAITAN DENGAN PENGUATKUASAAN HUTAN

Di dalam menjalankan tugas yang berkaitan dengan penguatkuasaan hutan, seseorang pegawai hutan itu mestilah mengetahui dan memahami bidang kuasa yang diperuntukkan di bawah Akta Perhutanan Negara 1984. Di bawah akta ini, pegawai hutan telah diperuntukkan kuasa tertentu di samping kuasa yang diperwakilkan oleh Pengarah Perhutanan Negeri (PPN). Kuasa-kuasa yang diperuntukkan itu ialah seperti berikut:

- 3.1 **Kuasa Mengeluarkan Perintah Memberhentikan Kerja Hutan (Borang 2) jika Terdapat Pelanggaran Peruntukan Akta atau Lesen [Seksyen 25 (1)] dan Kuasa Membatalkan Perintah Tersebut (Seksyen 26)**

Kuasa ini terhad kepada PPN dan Pegawai Hutan Daerah (PHD) sebagaimana tafsiran PPN di seksyen 2.

- 3.2 **Kuasa Menggantung atau Membatalkan Lesen Kerana Pelanggaran Peruntukan Akta atau Lesen [Seksyen 27 (3)]**

Kuasa ini terhad kepada PPN dan PHD sebagaimana tafsiran PPN di seksyen 2.

3.3 Kuasa Menangkap Tanpa Waran [Seksyen 88 (1)], dan Kuasa Menyita Hasil Hutan Dan Peralatan yang Menjadi Perkara Kesalahan [Seksyen 88(1) Dan 89]

Kuasa ini diberi kepada pegawai hutan berpangkat tidak rendah daripada Pengawas Hutan.

3.4 Kuasa Menggeledah dengan Waran [seksyen 90 (1)]

Kuasa ini diberi kepada mana-mana pegawai hutan yang berpangkat tidak rendah daripada Penolong Pegawai Hutan Daerah (PPHD).

3.5 Kuasa Menggeledah Tanpa Waran (seksyen 91)

Kuasa ini diperuntukkan kepada pegawai hutan yang berpangkat tidak rendah daripada Pengawas Hutan.

3.6 Kuasa untuk Memberhenti dan Menggeledah Alat Pengangkutan [seksyen 92 (1)]

Kuasa ini diperuntukkan kepada pegawai hutan yang berpangkat tidak rendah daripada Pengawas Hutan.

3.7 Kuasa Melepaskan Secara Sementara Benda yang Disita [Seksyen 94 (2)]

Kuasa ini diperuntukkan kepada pegawai hutan yang berpangkat tidak rendah daripada PHD.

3.8 Kuasa Memasuki dan Memeriksa Loji Penukaran [seksyen 96 (1)]

Kuasa ini diperuntukkan kepada mana-mana pegawai hutan sebagaimana yang ditafsirkan di bawah seksyen 2.

4.0 TINDAKAN PENGUATKUASAAN HUTAN

Tindakan penguatkuasaan hutan dijalankan berdasarkan kepada perancangan, aduan, atau hasil risikan.

4.1 Perancangan

- 4.1.1 Penolong Pengarah Perhutanan Negeri (Operasi dan Penguatkuasaan) [PP(OP)], PHD dan Pegawai Renj Hutan (PRH) hendaklah merancang aktiviti penguatkuasaan yang perlu dilaksanakan sama ada secara bulanan atau mingguan.
- 4.1.2 Perancangan operasi hendaklah merangkumi bilangan anggota, bilangan kenderaan, hari, masa dan lokasi.

4.2 Aduan

- 4.2.1 Aduan adalah sebarang aduan yang diterima sama ada secara lisan atau bertulis atau melalui telefon, khidmat pesanan ringkas [*short message service (sms)*], laporan media atau laporan daripada Jabatan atau agensi lain.
- 4.2.2 Penolong Pengarah Perhutanan Negeri (Operasi dan Penguatkuasaan) [PP(OP)], PHD dan Pegawai Renj Hutan (PRH) hendaklah mengambil tindakan segera ke atas aduan yang diterima untuk menjalankan operasi penguatkuasaan.
- 4.2.3 Sekiranya pegawai atau kakitangan yang menerima aduan bukan terdiri daripada pegawai yang dinyatakan di para 4.2.2 di atas, pegawai atau kakitangan yang menerima aduan itu hendaklah dengan segera memaklumkan maklumat aduan kepada mana-mana pegawai tersebut.

4.3 Maklumat Risikan

Penolong Pengarah Perhutanan Negeri (Operasi dan Penguatkuasaan) [PP(OP)], dan PHD hendaklah mengambil tindakan segera ke atas maklumat risikan yang diterima untuk menjalankan operasi penguatkuasaan.

5.0 **OPERASI PENGUATKUASAAN HUTAN**

Operasi penguatkuasaan hutan bagi mengesan kes kesalahan hutan boleh dilaksanakan melalui kaedah berikut:

- (i) pemeriksaan kawasan lesen pengusahasilan; atau
- (ii) pemeriksaan kawasan berhutan; atau
- (iii) pemeriksaan hasil hutan dalam transit.

5.1 **Pemeriksaan Kawasan Lesen Pengusahasilan**

Pemeriksaan kawasan lesen adalah untuk mengesan kes kesalahan hutan yang mungkin berlaku di dalam kawasan lesen pengusahasilan hutan.

5.1.1 **Arahan Sebelum Operasi Pemeriksaan**

- (i) Sebelum operasi dimulakan PP(OP), PHD, Penolong Pegawai Penguatkuasa (PPP), PPHD atau PRH hendaklah membentuk pasukan yang diketuai oleh pegawai hutan yang berpangkat tidak rendah daripada Pengawas Hutan.
- (ii) Ketua pasukan operasi hendaklah memberi taklimat kepada pasukan operasi yang meliputi perkara-perkara berikut:
 - (a) tujuan operasi;
 - (b) lokasi kawasan operasi;
 - (c) tarikh, masa dan tempoh operasi;
 - (d) sasaran; dan
 - (e) maklumat kesalahan atau aduan yang diterima.
- (iii) Ketua pasukan operasi hendaklah menyediakan dokumen dan peralatan kerja seperti berikut:

- (a) Pekeliling Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia Bilangan 2 Tahun 2009 mengenai Tatacara Pengendalian Operasi Penguinkuasaan Hutan;
- (b) kenderaan;
- (c) alat penyitaan;
- (d) gari;
- (e) Borang Sitaan;
- (f) alat perhubungan;
- (g) tukul Tanda Rampasan;
- (h) Buku Penandaan Pokok dan Kawalan Pengeluaran Kayu (bagi kawasan lesen yang dijalankan penandaan pokok)
- (i) peta topo;
- (j) fail kawasan lesen;
- (k) pelan Kawasan Lesen;
- (l) pita ukur dan pita diameter;
- (m) *Global Positioning System (GPS)*;
- (n) kompas;
- (o) kamera (bernegatif);
- (p) teropong;
- (q) cat;
- (r) crayon;
- (s) buku nota dan alat tulis;
- (t) gergaji berantai;

- (u) parang;
- (v) lampu suluh;
- (w) alat perkhemahan; dan
- (x) peti pertolongan cemas (*first aid kit*).

5.1.2 Arahan Semasa Operasi Pemeriksaan

- (i) Bagi operasi pemeriksaan yang berdasarkan kepada aduan, ketua pasukan operasi hendaklah memulakan tugas di Balai Pemeriksaan Hutan (BPH) dengan mengarahkan Pegawai BPH menahan sementara pengeluaran hasil hutan dari kawasan lesen yang akan diperiksa.
- (ii) Pasukan operasi hendaklah memeriksa kawasan lesen untuk mengesan kesalahan hutan. Aspek yang perlu diteliti dan disemak semasa membuat pemeriksaan ke atas kawasan lesen ialah sebagaimana yang dinyatakan dalam **Lampiran B**.
- (iii) Sekiranya terdapat kes kesalahan hutan yang dikesan, pasukan operasi hendaklah mengambil tindakan berikut:
 - (a) merekodkan maklumat kesalahan hutan yang dikesan;
 - (b) merekod butiran peribadi orang yang dijumpai sedang melakukan kesalahan hutan.
 - (c) sekiranya orang yang dijumpai melakukan kesalahan memberikan kerjasama dengan menyatakan nama, nombor kad pengenalan, alamat di dalam Malaysia serta menunjukkan kad pengenalan, ketua pasukan operasi hendaklah menahan orang tersebut serta merekod butiran peribadi mereka;

- (d) sekiranya orang yang dijumpai melakukan kesalahan (jika ada) tidak memberikan kerjasama atau memberikan alamat di luar Malaysia, ketua pasukan hendaklah menangkap orang tersebut (prosedur tangkapan adalah sebagaimana di para 7 **Pekeliling ini**);
- (e) menyita apa-apa hasil hutan, jentera, mesin, dokumen, alat pengangkutan, bekas, pakej, alat atau benda-benda lain yang disyaki atau dipercayai digunakan atau ada kaitan dengan kesalahan yang telah dilakukan (prosedur penyitaan adalah sebagaimana **para 6, Pekeliling ini**);
- (f) mencatatkan maklumat hasil hutan, alat pengangkutan, dokumen atau benda-benda lain yang disita dalam Borang Sitaan sebagaimana format dalam **Lampiran C**;
- (g) ketua pasukan operasi hendaklah menandatangani Borang Sitaan;
- (h) ketua pasukan operasi hendaklah mengarahkan salah seorang anggota pasukan operasi yang berpangkat tidak kurang daripada Pengawas Hutan untuk menyediakan pelan lakar tempat kejadian mengandungi maklumat berikut:
 - kedudukan tempat kejadian termasuk sempadan kawasan Lesen (jika ada), kawasan tebangan dan jalan; dan
 - kedudukan orang yang melakukan kesalahan, hasil hutan, jentera, mesin, alat pengangkutan, bekas, pakej, alat atau benda-benda lain semasa disita.
- (i) anggota pasukan operasi yang ditugaskan sebagai Jurugambar dikehendaki mengambil gambar foto orang yang melakukan kesalahan, tempat kejadian, hasil hutan,

jentera, mesin, dokumen, alat pengangkutan, bekas, pakej, alat atau benda-benda lain yang disita.

(j) ketua pasukan hendaklah mengarahkan anggota pasukan operasi mengambil maklumat dan tindakan berikut di tempat kejadian (jika berkaitan), iaitu:

- bilangan, jenis dan ukuran hasil hutan/tunggul pokok di tempat kejadian;
- membuat survei tempat kejadian dengan tepat dan menyediakan pelan dengan skala yang bersesuaian; dan
- keadaan sempadan kawasan lesen.

(maklumat ini jika tidak dapat disediakan semasa serbuan dijalankan, hendaklah dibuat pada hari-hari berikutnya oleh bahagian **Siasatan**).

(k) jika terdapat barang-barang yang disita, ketua pasukan operasi hendaklah mengambil tindakan berikut:

- mengarah anggota pasukan operasi mengawal barang-barang yang disita dengan rapi sehingga dipindahkan keluar ke tempat simpanan;
- bagi barang yang disita yang tidak boleh dipindahkan atau dibawa keluar, ketua pasukan operasi hendaklah mengaturkan anggotanya atau mendapatkan bantuan untuk menjaga dengan rapi barang kes tersebut sehingga kes selesai;

(l) ketua pasukan hendaklah membawa orang yang ditahan atau ditangkap itu ke Balai Polis dan seterusnya membuat laporan Polis (prosedur laporan Polis adalah sebagaimana di **para 8 Pekeliling ini**);

- (m) bagi kes tangkapan, orang yang ditangkap itu hendaklah diserahkan kepada polis untuk dilokapkan;
 - (n) bagi kes bukan tangkapan, ketua pasukan operasi hendaklah melepaskan orang yang ditahan selepas laporan Polis dibuat;
 - (o) ketua pasukan hendaklah mendapatkan salinan laporan Polis tersebut;
- (iv) bagi operasi pemeriksaan berdasarkan kepada perancangan dan dikesan berlaku kesalahan hutan yang melibatkan tebangan di luar kawasan atau tebangan pokok yang tidak ditanda, ketua pasukan operasi hendaklah mengarahkan Pegawai BPH menahan pengeluaran hasil hutan dari kawasan lesen yang berkenaan;
- (v) bagi operasi yang berdasarkan kepada aduan yang tidak terdapat kes kesalahan hutan, ketua pasukan operasi hendaklah mengarahkan Pegawai BPH supaya membenarkan semula pengeluaran hasil hutan dari kawasan lesen tersebut.

5.1.3 Arahan Selepas Operasi Pemeriksaan

Selepas operasi dijalankan, tindakan seperti berikut hendaklah diambil:

- (i) Jika operasi yang telah dijalankan **melibatkan** kesalahan hutan, ketua pasukan operasi hendaklah mengambil tindakan berikut:
- (a) memaklumkan segera kepada PP(OP) atau PHD [jika pasukan operasi tidak diketuai oleh PP(OP) atau PHD] dan pegawai berkenaan hendaklah memaklumkan segera kes kepada Pegawai Penyiasat;

- (b) menyerahkan salinan Laporan Polis kepada Pegawai Penyiasat;
- (c) pergi bersama Pegawai Penyiasat ke Balai Polis di mana orang yang ditangkap dilokapkan bagi urusan siasatan (jika melibatkan tangkapan);
- (d) menyediakan borang Serahan Barang-Barang Kes sebagaimana format dalam **Lampiran D** dan menyerahkannya bersama barang-barang yang disita serta Borang Sitaan kepada Pegawai Penyiasat;
- (e) menyediakan laporan operasi dan mengemukakannya kepada pegawai atasan yang mengandungi:
 - tarikh, masa, tempoh dan lokasi operasi;
 - senarai nama ahli pasukan operasi;
 - maklumat kawasan lesen yang diperiksa;
 - maklumat kesalahan yang dikesan;
 - maklumat orang yang telah ditahan atau ditangkap (jika ada);
 - maklumat jentera, hasil hutan dan dokumen yang disita;
 - salinan Laporan Polis bagi operasi yang melibatkan tangkapan/penyitaan;
 - pelan lakar kawasan yang menunjukkan lokasi kes kesalahan hutan yang dikesan; dan
 - gambar foto orang yang melakukan kesalahan, tempat kejadian, hasil hutan, jentera, mesin, dokumen, alat

pengangkutan, bekas, pakej, alat atau benda-benda lain yang disita.

- (ii) Jika operasi yang telah dijalankan **tidak melibatkan** kesalahan hutan, ketua pasukan operasi hendaklah juga menyediakan laporan operasi yang mengandungi:
 - (a) tarikh, masa, tempoh dan lokasi operasi;
 - (b) senarai nama ahli pasukan operasi;
 - (c) maklumat kawasan lesen yang diperiksa; dan
 - (d) maklumat mengenai aspek-aspek yang diperiksa.
- (iii) Ketua pasukan operasi hendaklah mengemukakan laporan operasi kepada PP(OP) atau PHD [jika operasi tidak diketuai oleh PP(OP) atau PHD];

5.2 Pemeriksaan Kawasan Berhutan

Pemeriksaan kawasan berhutan meliputi kawasan Hutan Simpanan Kekal, kawasan tanah Kerajaan dan kawasan tanah milik, tanah di bawah lesen pendudukan sementara, tanah lombong dan tanah rizab.

5.2.1 Arahan Sebelum Operasi Pemeriksaan

- (i) Sebelum operasi dimulakan PP(OP), PHD, PPP, PPHD atau Pegawai Renj Hutan hendaklah membentuk pasukan yang diketuai oleh pegawai hutan yang berpangkat tidak rendah daripada Pengawas Hutan.
- (ii) Ketua pasukan operasi hendaklah memberi taklimat kepada pasukan operasi yang meliputi perkara-perkara berikut:
 - (a) tujuan operasi;
 - (b) lokasi kawasan operasi;

- (c) tarikh, masa dan tempoh operasi;
 - (d) sasaran; dan
 - (e) maklumat kesalahan atau aduan yang diterima.
- (iii) Ketua pasukan operasi hendaklah menyediakan dokumen dan peralatan kerja seperti berikut:
- (a) Pekeliling Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia Bilangan 2 Tahun 2009 mengenai Tatacara Pengendalian Operasi Penguatkuasaan Hutan;
 - (b) kenderaan;
 - (c) alat penyitaan;
 - (d) gari;
 - (e) Borang Sitaan;
 - (f) alat perhubungan;
 - (g) tukul Tanda Rampasan;
 - (h) peta topo;
 - (i) pita ukur dan pita diameter;
 - (j) *Global Positioning System (GPS)*;
 - (k) kompas;
 - (l) kamera (bernegatif);
 - (m) teropong;
 - (n) cat;
 - (o) *crayon*;

- (p) buku nota dan alat tulis;
- (q) gergaji berantai;
- (r) parang;
- (s) lampu suluh;
- (t) alat perkhemahan; dan
- (u) peti pertolongan cemas (*first aid kit*).

5.2.2 Arahan Semasa Operasi Pemeriksaan

- (i) Pasukan operasi hendaklah memeriksa kawasan untuk mengesan kesalahan hutan. Aspek yang perlu diteliti dan disemak semasa membuat pemeriksaan ke atas kawasan berhutan ialah sebagaimana yang dinyatakan di **Lampiran E**.
- (ii) Sekiranya terdapat kes kesalahan hutan yang dikesan, pasukan operasi hendaklah mengambil tindakan berikut:
 - (a) merekodkan maklumat kesalahan hutan yang dikesan;
 - (b) merekod butiran peribadi orang yang dijumpai sedang melakukan kesalahan hutan;
 - (c) sekiranya orang yang dijumpai melakukan kesalahan memberikan kerjasama dengan menyatakan nama, nombor kad pengenalan, alamat di dalam Malaysia serta menunjukkan kad pengenalan, ketua pasukan operasi hendaklah menahan orang tersebut serta merekod butiran peribadi mereka;
 - (d) sekiranya orang yang dijumpai melakukan kesalahan (jika ada) tidak memberikan kerjasama atau memberikan alamat di luar Malaysia, ketua pasukan hendaklah menangkap orang tersebut (prosedur

tangkapan adalah sebagaimana di para 7, **Pekeliling ini**);

- (e) menyita apa-apa hasil hutan, jentera, mesin, dokumen, alat pengangkutan, bekas, pakej, alat atau benda-benda lain yang disyaki atau dipercayai digunakan atau ada kaitan dengan kesalahan yang telah dilakukan (prosedur penyitaan adalah sebagaimana para 6, **Pekeliling ini**);
- (f) mencatatkan maklumat hasil hutan, alat pengangkutan, dokumen atau benda-benda lain yang disita dalam Borang Sitaan sebagaimana format dalam **Lampiran C**;
- (g) ketua pasukan operasi hendaklah menandatangani Borang Sitaan;
- (h) ketua pasukan operasi hendaklah mengarahkan salah seorang anggota pasukan operasi yang berpangkat tidak kurang daripada Pengawas Hutan untuk menyediakan pelan laka tempat kejadian mengandungi maklumat berikut:
 - kedudukan tempat kejadian termasuk sempadan kawasan Lesen (jika ada), kawasan tebangan dan jalan; dan
 - kedudukan orang yang melakukan kesalahan, hasil hutan, jentera, mesin, alat pengangkutan, bekas, pakej, alat atau benda-benda lain semasa disita.
- (i) anggota pasukan operasi yang ditugaskan sebagai Jurugambar dikehendaki mengambil gambar foto orang yang melakukan kesalahan, tempat kejadian, hasil hutan, jentera, mesin, dokumen, alat pengangkutan, bekas, pakej, alat atau benda-benda lain yang disita;

- (j) ketua pasukan hendaklah mengarahkan anggota pasukan operasi mengambil maklumat dan tindakan berikut di tempat kejadian (jika berkaitan), iaitu:
- bilangan, jenis dan ukuran hasil hutan/tunggul pokok di tempat kejadian;
 - membuat survei tempat kejadian dengan tepat dan menyediakan pelan dengan skala yang bersesuaian; dan
 - keadaan sempadan kawasan lesen.
- (maklumat ini jika tidak dapat disediakan semasa serbuan dijalankan, hendaklah dibuat pada hari-hari berikutnya oleh pegawai / pasukan **Siasatan**).
- (k) jika terdapat barang-barang yang disita, ketua pasukan operasi hendaklah mengambil tindakan berikut:
- mengarah anggota pasukan operasi mengawal barang-barang yang disita dengan rapi sehingga dipindahkan keluar ke tempat simpanan;
 - bagi barang yang disita yang tidak boleh dipindahkan atau dibawa keluar, ketua pasukan operasi hendaklah mengaturkan anggotanya atau mendapatkan bantuan untuk menjaga dengan rapi barang kes tersebut sehingga kes selesai;
- (l) ketua pasukan hendaklah membawa orang yang ditahan atau ditangkap itu ke Balai Polis dan seterusnya membuat laporan Polis (prosedur laporan Polis adalah sebagaimana di para 8 **Pekeliling** ini);
- (m) bagi kes tangkapan, orang yang ditangkap itu hendaklah diserahkan kepada polis untuk dilokapkan;

- (n) bagi kes bukan tangkapan, ketua pasukan operasi hendaklah melepaskan orang yang ditahan selepas laporan Polis dibuat;
- (o) ketua pasukan hendaklah mendapatkan salinan laporan Polis tersebut.

5.2.3 Arahan Selepas Operasi Pemeriksaan

Selepas operasi dijalankan, tindakan seperti berikut hendaklah diambil:

- (i) Jika operasi yang telah dijalankan **melibatkan** kesalahan hutan, ketua pasukan operasi hendaklah mengambil tindakan berikut:
 - (a) memaklumkan segera kepada PP(OP) atau PHD [jika pasukan operasi tidak diketuai oleh PP(OP) atau PHD] dan pegawai berkenaan hendaklah memaklumkan segera kes kepada Pegawai Penyiasat;
 - (b) menyerahkan salinan laporan Polis kepada Pegawai Penyiasat;
 - (c) pergi bersama Pegawai Penyiasat ke Balai Polis di mana orang yang ditangkap dilokapkan bagi urusan siasatan (jika melibatkan tangkapan);
 - (d) menyediakan borang Serahan Barang-Barang Kes sebagaimana format dalam **Lampiran D** dan menyerahkannya bersama barang-barang yang disita serta Borang Sitaan kepada Pegawai Penyiasat;
 - (e) menyediakan laporan operasi dan mengemukakanya kepada pegawai atasan yang mengandungi:
 - tarikh, masa, tempoh dan lokasi operasi;
 - senarai nama ahli pasukan operasi;

- maklumat kawasan yang diperiksa;
 - maklumat kesalahan yang dikesan;
 - maklumat orang yang telah ditahan atau ditangkap (jika ada);
 - maklumat jentera, hasil hutan dan dokumen yang disita;
 - salinan Laporan Polis bagi operasi yang melibatkan tangkapan/penyitaan;
 - pelan lakar kawasan yang menunjukkan lokasi kes kesalahan hutan yang dikesan; dan
 - gambar foto orang yang melakukan kesalahan, tempat kejadian, hasil hutan, jentera, mesin, dokumen, alat pengangkutan, bekas, pakej, alat atau benda-benda lain yang disita.
- (ii) Jika operasi yang telah dijalankan **tidak melibatkan** kesalahan hutan, ketua pasukan operasi hendaklah juga menyediakan laporan operasi yang mengandungi:
- (a) tarikh, masa, tempoh dan lokasi operasi;
 - (b) senarai nama ahli pasukan operasi;
 - (c) maklumat kawasan yang diperiksa; dan
 - (d) maklumat aspek-aspek pemeriksaan.
- (iii) Ketua pasukan operasi hendaklah mengemukakan laporan operasi kepada PP(OP) atau PHD [jika operasi tidak diketuai oleh PP(OP) atau PHD];

5.3 Pemeriksaan Hasil Hutan Dalam Transit

Pemeriksaan hasil hutan dalam transit dijalankan bagi memastikan hasil hutan yang dipindahkan adalah dari kawasan lesen yang sah dan segala bayaran berkaitan dengannya telah dijelaskan. Operasi ini boleh dilaksanakan sama ada secara statik iaitu melalui sekatan jalan raya ataupun secara bergerak. Prosedur yang perlu dipatuhi bagi menjalankan operasi pemeriksaan hasil hutan dalam transit adalah seperti berikut:

5.3.1 Arahan Sebelum Operasi

- (i) Sebelum operasi dimulakan PP(OP), PHD, PPP atau PPHD hendaklah membentuk pasukan yang terdiri daripada sekurang-kurangnya lima (5) orang yang diketuai oleh Pegawai Hutan yang berpangkat tidak rendah daripada Renjer Hutan (RH).
- (ii) Sekiranya perlu bantuan Polis ataupun agensi lain seperti Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), permohonan secara rasmi hendaklah dibuat terlebih dahulu kepada pihak yang berkenaan.
- (iii) Ketua pasukan operasi hendaklah memberi taklimat kepada pasukan operasi yang meliputi perkara-perkara berikut:
 - (a) tujuan operasi;
 - (b) *modus operandi* sama ada secara operasi bergerak atau sekatan jalan raya;
 - (c) lokasi kawasan operasi;
 - (d) tarikh, masa dan tempoh operasi;
 - (e) sasaran; dan
 - (f) maklumat kesalahan atau aduan yang diterima.

- (iv) Ketua pasukan operasi seterusnya hendaklah menyediakan dokumen dan peralatan kerja seperti berikut:
- (a) Pekeliling Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia Bilangan 2 Tahun 2009 mengenai Tatacara Pengendalian Operasi Penguatkuasaan Hutan;
 - (b) Pas Ganti Bagi Memindahkan Hasil Hutan;
 - (c) buku Sifir Isi Padu Balak;
 - (d) Jadual Kadar Royalti dan Ses Pembangunan Hutan;
 - (e) alat pengesahan keaslian Pas Pemindah;
 - (f) alat penyitaan;
 - (g) Borang Sitaan;
 - (h) gari;
 - (i) buku nota dan alat tulis;
 - (j) kalkulator;
 - (k) pita ukur;
 - (l) *clip board*;
 - (m) papan tanda sekatan jalan raya;
 - (n) tangga;
 - (o) kerusi dan meja lipat;
 - (p) bendera warna merah (jika operasi dijalankan pada waktu siang);
 - (q) lampu suluh (jika operasi dijalankan pada waktu malam);

- (r) baton trafik (jika operasi dijalankan pada waktu malam);
 - (s) jaket / vest keselamatan pantulan cahaya;
 - (t) kamera; dan
 - (u) peti pertolongan cemas (*first aid kit*).
- (v) Sekiranya operasi melibatkan sekatan jalan raya, ketua pasukan operasi hendaklah memaklumkan kepada Ketua Balai Polis berhampiran mengenai lokasi sekatan jalan raya yang akan diadakan.

5.3.2 Arah Semasa Operasi

Operasi pemeriksaan hasil hutan dalam transit boleh dibuat sama ada secara bergerak atau statik iaitu melalui sekatan jalan raya.

- (i) Sekiranya operasi melibatkan sekatan jalan raya, ketua pasukan operasi hendaklah terlebih dahulu menentukan lokasi dengan mengambil kira faktor-faktor berikut:
 - (a) keselamatan pengguna jalan raya;
 - (b) keselamatan pegawai yang menjalankan sekatan;
 - (c) ruang tepi jalan yang cukup lebar untuk meletak alat pengangkutan;
 - (d) bahagian jalan yang lurus dan tidak berbukit dengan jarak pandangan yang selamat;
 - (e) jalan yang tidak terlalu sibuk; dan
 - (f) jauh dari kawasan tumpuan awam.
- (ii) Papan tanda sekatan jalan raya hendaklah dipasang di tepi jalan pada jarak lebih kurang 50 meter dari tempat sekatan di kedua-dua arah;

- (iii) Semua alat pengangkutan yang disyaki membawa hasil hutan hendaklah ditahan dan mengarahkan pemandu memberhentikan alat pengangkutan di tempat yang ditentukan;
- (iv) Ketua pasukan operasi hendaklah meminta pemandu menyerahkan Pas Pemindah.
- (v) Sekiranya pemandu mengemukakan Pas Pemindah, pasukan operasi hendaklah memeriksa kesahihan Pas Pemindah tersebut.
- (vi) Sekiranya pas tersebut didapati sah, tindakan berikut hendaklah diambil:
 - (a) menyemak nama dan nombor kad pengenalan pemandu serta nombor pendaftaran alat pengangkutan;
 - (b) memastikan jenis hasil hutan;
 - (c) memeriksa Tanda Hasil dan Tanda Pengelasan jika hasil hutan yang dibawa adalah kayu balak;
 - (d) memastikan bilangan/kuantiti hasil hutan;
 - (e) mengukur saiz mengikut jenis hasil hutan;
 - (f) mencatatkan bilangan, jenis dan saiz hasil hutan yang telah diukur ke dalam Pas Ganti Bagi Memindahkan Hasil Hutan (sekiranya maklumat ukuran tidak bersamaan dengan maklumat dalam Pas Pemindah asal, catatkan bilangan, jenis dan saiz hasil hutan yang sebenar ke dalam Pas Pemindah asal tersebut); dan
 - (g) menyerahkan Pas Ganti Bagi Memindahkan Hasil Hutan kepada pemandu dan melepaskan kenderaan yang telah diperiksa.

- (vii) Sekiranya Pas Pemindah yang dikemukakan itu didapati palsu, tindakan berikut hendaklah diambil:
- (a) menahan pemandu dan kelindan (jika ada) alat pengangkutan tersebut serta menyita Pas Pemindah palsu dan hasil hutan yang dibawa;
 - (b) membawa pemandu dan kelindan serta alat pengangkutan berserta hasil hutan yang disita ke Balai Polis berhampiran dan diserahkan kepada pihak Polis untuk tindakan lanjut di bawah **Kanun Keseksaan**.
- (viii) Sekiranya pemandu alat pengangkutan gagal mengemukakan Pas Pemindah, ketua pasukan operasi hendaklah mengambil tindakan berikut:
- (a) menahan alat pengangkutan dan hasil hutan yang dibawa;
 - (b) sekiranya pemandu dan kelindan (jika ada) memberikan kerjasama dengan menyatakan nama, nombor kad pengenalan, alamat di dalam Malaysia serta menunjukkan kad pengenalan, ketua pasukan operasi hendaklah menahan pemandu dan kelindan tersebut serta merekod butiran peribadi mereka;
 - (c) sekiranya pemandu dan kelindan (jika ada) tidak memberikan kerjasama atau memberikan alamat di luar Malaysia, ketua pasukan hendaklah menangkap pemandu dan kelindan alat pengangkutan tersebut (prosedur tangkapan adalah sebagaimana di para 7 **Pekeliling ini**);
 - (d) menyita hasil hutan dan alat pengangkutan (prosedur penyitaan adalah sebagaimana para 6, **Pekeliling ini**);
 - (e) mencatatkan maklumat hasil hutan, alat pengangkutan, dokumen atau benda-benda

- lain yang disita dalam Borang Sitaan sebagaimana format dalam Lampiran C;
- (f) ketua pasukan operasi hendaklah menandatangani Borang Sitaan;
 - (g) mengarahkan anggota pasukan operasi yang ditugaskan sebagai Jurugambar supaya mengambil gambar foto pemandu dan kelindan yang ditahan/ditangkap, alat pengangkutan, hasil hutan di lokasi penahanan;
 - (h) mengarah anggota pasukan operasi mengawal barang-barang yang disita dengan rapi sehingga dipindahkan ke tempat simpanan;
 - (i) bagi barang yang disita yang tidak boleh dipindahkan ke tempat simpanan pada hari yang sama, ketua pasukan operasi hendaklah mengaturkan anggotanya atau mendapatkan bantuan untuk menjaga dengan rapi barang kes tersebut sehingga iaanya boleh dipindahkan ke tempat simpanan;
 - (j) ketua pasukan hendaklah membawa orang yang ditahan atau ditangkap itu ke Balai Polis dan seterusnya membuat laporan Polis (prosedur laporan Polis adalah sebagaimana di **para 8 Pekeliling ini**);
 - (k) bagi kes tangkapan, orang yang ditangkap itu hendaklah diserahkan kepada polis untuk dilokapkan;
 - (l) bagi kes bukan tangkapan, ketua pasukan operasi hendaklah melepaskan orang yang ditahan selepas laporan Polis dibuat;
 - (m) ketua pasukan hendaklah mendapatkan salinan laporan Polis tersebut.

5.3.3 Arahan Selepas Operasi

- (ii) Jika operasi yang telah dijalankan **melibatkan** kesalahan hutan, ketua pasukan operasi hendaklah mengambil tindakan berikut:
- (a) memaklumkan segera kepada PP(OP) atau PHD [jika pasukan operasi tidak diketuai oleh PP(OP) atau PHD] dan pegawai berkenaan hendaklah memaklumkan segera kes kepada Pegawai Penyiasat;
 - (b) menyerahkan salinan laporan Polis kepada Pegawai Penyiasat;
 - (c) pergi bersama Pegawai Penyiasat ke Balai Polis di mana orang yang ditangkap dilokapkan bagi urusan siasatan (jika melibatkan tangkapan);
 - (d) menyediakan borang Serahan Barang-Barang Kes sebagaimana format dalam **Lampiran D** dan menyerahkannya bersama barang-barang yang disita serta Borang Sitaan kepada Pegawai Penyiasat;
 - (e) menyediakan laporan operasi dan mengemukakannya kepada pegawai atasan yang mengandungi:
 - tarikh, masa, tempoh dan lokasi operasi;
 - senarai nama ahli pasukan operasi;
 - maklumat pemandu dan kenderaan yang telah diperiksa;
 - maklumat orang yang telah ditahan atau ditangkap (jika ada);
 - maklumat kenderaan, hasil hutan dan dokumen yang disita;

- Pas Pemindah asal yang diambil dan Pas Ganti bagi Memindahkan Hasil Hutan yang telah dikeluarkan;
 - salinan Laporan Polis bagi operasi yang melibatkan tangkapan/penyitaan;
 - Gambar foto pemandu dan kelindan yang ditahan/ditangkap dan barang yang disita.
- (iii) Jika operasi yang telah dijalankan **tidak melibatkan** kesalahan hutan, ketua pasukan operasi hendaklah juga menyediakan laporan operasi yang mengandungi:
- (a) tarikh, masa, tempoh dan lokasi operasi;
 - (b) senarai nama ahli pasukan operasi;
 - (c) maklumat pemandu dan kenderaan yang telah diperiksa; dan
 - (d) Pas Pemindah asal yang diambil dan Pas Ganti bagi Memindahkan Hasil Hutan yang telah dikeluarkan.
 - (e) Ketua pasukan operasi hendaklah mengemukakan laporan operasi kepada PP(OP) atau PHD [jika operasi tidak diketuai oleh PP(OP) atau PHD];
- (iv) Penolong Pengarah Perhutanan Negeri (Operasi dan Penguatkuasaan) atau PHD hendaklah mengemukakan maklumat pemeriksaan berserta Pas Pemindah asal dan salinan pendua Pas Ganti Bagi Memindahkan Hasil Hutan kepada PHD berkenaan seberapa segera untuk tindakan susulan.

6.0 PROSEDUR PENYITAAN

Apabila apa-apa benda disita di bawah APN 1984, pegawai yang menyita itu hendaklah dengan serta merta mengambil tindakan berikut:

- (i) meletakkan pada benda itu atau pada bekas atau pakej yang mengandunginya suatu tanda yang menunjukkan bahawa benda itu telah disita;
- (ii) merekodkan bilangan, jenis, nombor pendaftaran, nombor enjin dan nombor casis bagi jentera dan alat pengangkutan yang dijumpai dan disita;
- (iii) Borang Sitaan hendaklah disediakan dan ditandatangani oleh pegawai yang menyita.
- (iv) Sekiranya pengendali atau pemunya barang-barang yang disita atau tuan punya premis atau pekerjanya tidak ditemui, notis secara bertulis mengenai penyitaan itu dan alas-alasannya hendaklah disampaikan (jika diketahui), sama ada dengan menghantar sendiri atau melalui pos berdaftar atau di tempat kediamannya. (seksyen 93 dan 102, APN 1984).

7.0 PROSEDUR TANGKAPAN

Seseorang Pegawai Hutan yang akan menjalankan tangkapan seboleh-bolehnya mendapatkan bantuan Polis. Cara tangkapan yang boleh dibuat adalah seperti berikut:

- (i) Menyentuh atau mengurung badan orang yang hendak ditangkap itu, melainkan orang itu menyerahkan dirinya melalui percakapan ataupun tingkah lakunya [seksyen 15(1), Kanun Tatacara Jenayah (KTJ)].
- (ii) Sekiranya orang yang hendak ditangkap itu melawan dengan kekerasan atau cuba melarikan diri, sebarang langkah yang difikirkan perlu boleh diambil semasa melaksanakan tangkapan tersebut [seksyen 15(2), KTJ].
- (iii) Jangan sekali-kali menyebabkan kematian pada orang yang hendak ditangkap itu, kecuali kesalahan yang dilakukan oleh

orang yang hendak ditangkap itu boleh membawanya kepada hukuman mati atau penjara seumur hidup [seksyen 15(3), KTJ].

- (iv) Sekiranya sewaktu tangkapan hendak dibuat, orang yang hendak ditangkap itu jelas melarikan diri, atau dilihat masuk bersembunyi, atau orang itu dipercayai berada di dalam mana-mana tempat, maka menjadi tanggungjawab tuan punya tempat berkenaan untuk membenarkan pegawai yang hendak menangkap masuk dengan bebas jika kebenaran telah diminta dan tujuan tersebut diterangkan. Jika tuan punya tetap enggan membenarkan, dan untuk mendapatkan waran mungkin menyebabkan orang yang hendak ditangkap itu berpeluang melarikan dirinya, maka adalah sah jika pegawai tersebut bertindak memecahkan mana-mana pintu luar atau dalam, tingkap atau mana-mana tempat, bagi membolehkannya masuk melaksanakan tangkapan tersebut (seksyen 16, KTJ dan seksyen 91, APN 1984).
- (v) Sekiranya semasa berusaha melaksanakan tangkapan yang sah itu, pegawai yang hendak menangkap orang itu terkurung di dalam mana-mana tempat, maka pegawai tersebut boleh memecahkan mana-mana juga bahagian tempat berkenaan untuk melepaskan dirinya (seksyen 18, KTJ).

8.0 **PROSEDUR LAPORAN POLIS**

- 8.1 Laporan Polis hendaklah dibuat dalam tempoh 24 jam dari waktu kesalahan dikesan. Bagi kesalahan yang tidak melibatkan tangkapan, jika laporan dalam tempoh 24 jam tidak dapat dibuat atas sebab tertentu, laporan boleh dibuat selepas tempoh itu tetapi hendaklah secepat mungkin.
- 8.2 Laporan Polis hendaklah mengandungi butiran-butiran seperti berikut:
 - (i) nama, nombor kad pengenalan, alamat dan jawatan pegawai pelapor;
 - (ii) tarikh dan masa kejadian;
 - (iii) lokasi tempat kejadian;
 - (iv) benda-benda yang disita;

- (v) tangkapan (jika ada);
- (vi) ringkasan kesalahan; dan
- (vii) Jika kesalahan ini akan diambil tindakan oleh Jabatan, catatan "kesalahan ini akan diambil tindakan oleh Jabatan Perhutanan" hendaklah ditulis pada para terakhir Laporan Polis itu.

9.0 ARAHAN AM

- 9.1 Setiap aduan yang diterima berkaitan dengan kesalahan hutan hendaklah direkodkan dalam Borang Maklumat Aduan dan Maklum Balas Pelanggan sebagaimana format dalam **Lampiran F**.
- 9.2 Tiap-tiap pegawai hutan adalah dikehendaki membawa bersama kad kuasa Jabatan sewaktu menjalankan aktiviti penguatkuasaan dan dikehendaki menunjukkan kad kuasa tersebut apabila diminta (seksyen 99, APN, 1984).
- 9.3 Semua anggota operasi dilarang berhubung dengan mana-mana orang yang tidak berkenaan, sebelum dan semasa operasi dijalankan. Alat komunikasi seperti telefon atau 'walkie-talkie' hanya boleh digunakan untuk urusan rasmi sahaja. (*Setiap kali semasa operasi serbuhan dijalankan, semua anggota kumpulan hendaklah mematikan telefon bimbit dan menyerahkan kepada ketua pasukan operasi bagi mengelakkan kebocoran maklumat operasi*).
- 9.4 Anggota yang membawa senjata api hendaklah sentiasa menjaga keselamatan senjata api tersebut dan penggunaannya adalah tertakluk kepada Akta Senjata Api 1960 dan Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971.
- 9.5 Anggota pasukan operasi adalah dilarang melakukan kekerasan yang melampaui batas terhadap suspek.
- 9.6 Anggota operasi adalah dilarang mengambil atau merosakkan atau memusnahkan harta benda suspek.

- 9.7 Anggota operasi adalah dilarang mengambil kesempatan terhadap suspek untuk kepentingan sendiri.
- 9.8 Anggota operasi ditegah berinteraksi secara bebas dan terlalu mesra dengan orang yang terlibat dengan kesalahan.
- 9.9 Semua dokumen atau maklumat yang berkaitan dengan operasi hendaklah diklasifikasikan sebagai sulit.
- 9.10 Anggota operasi hendaklah sentiasa menjaga nama baik dan imej jabatan.
- 9.11 Anggota operasi adalah dilarang sama sekali membuat kenyataan media kecuali dengan kebenaran Pengarah Perhutanan Negeri.

10.0 TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai **11 Mei 2009** bagi semua negeri di Semenanjung Malaysia .

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"


"SAYANGI HUTAN"



(DATO' SERI AZAHAR BIN MUDA)
Ketua Pengarah Perhutanan
Semenanjung Malaysia


Bertarikh : 5 Mei, 2009


Lampiran A


CARTA ALIRAN PENGENDALIAN OPERASI PENGUATKUASAAN HUTAN









































ASPEK PEMERIKSAAN KAWASAN LESEN PENGUSAHASILAN

Aspek yang perlu diteliti dan disemak semasa membuat pemeriksaan ke atas Kawasan Lesen ialah:

1. Infrastruktur Pembalakan

Infrastruktur pembalakan dibina dan disenggara mengikut kelulusan dan spesifikasi yang ditetapkan.

2. Pembalakan

2.1 Sempadan Kawasan Lesen

Pemeriksaan sempadan Kawasan Lesen adalah meliputi perkara-perkara berikut:

- (a) Pusat Ikatan dan pokok rujukan Pusat Ikatan tidak berubah;
- (b) kelarian (*bearing*) sempadan dan jarak dari satu stesen ke satu stesen adalah sama dengan butiran dalam Sijil Penandaan dan Pengesahan Sempadan yang disediakan;
- (c) pokok sempadan, pokok rujukan sempadan, pokok rujukan stesen dan pancang kayu sempadan masih wujud dan dalam keadaan baik;
- (d) tanda pada pokok sempadan, pokok rujukan sempadan, pokok rujukan stesen dan pokok rujukan Pusat Ikatan tidak dilancung atau dicacatkan;
- (e) keadaan sempadan adalah bersih dan cat masih jelas kelihatan; dan
- (f) tidak berlaku pencerobohan di luar Kawasan Lesen.

2.2 Blok Tebangan

Sekiranya Kawasan Lesen dipecahkan kepada blok tebangan, pembalakan tidak dijalankan dalam blok yang belum diberi kelulusan oleh PHD untuk diusahasil dan dalam blok tebangan yang telah ditutup.

2.3 Penebangan Pokok

Bagi Kawasan Lesen yang dijalankan Penandaan Pokok, setiap pokok yang ditebang adalah pokok yang telah ditanda untuk tebangan.

2.4 Jentera

Semua jentera yang digunakan adalah berdaftar (kaedah 25, KKH) dan Ringkasan Pendaftaran Jentera dipamerkan di kongsi (kecuali Lesen Kecil dan Lesen Pemindah).

2.5 Pekerja

Semua pekerja mempunyai sublesen (kaedah 32, KKH) dan senarainya dipamerkan di kongsi (kecuali Lesen Pemindah).

2.6 Papan Tanda

Papan tanda adalah mengikut spesifikasi dan dipasang di tempat yang ditetapkan sebagaimana dalam syarat tambahan lesen.

2.7 Waktu Bekerja

Kerja-kerja pengusahasilan tidak dijalankan di antara 7.00 petang hingga 7.00 pagi.

3. Alam Sekitar dan Pemeliharaan Hutan

3.1 Zon Penampang Alur Air (bagi Kawasan Lesen dalam HSK)

- (i) Sempadan zon penampang alur air tidak dipinda.
- (ii) Tidak berlaku tebangan pokok dalam kawasan zon penampang alur air
- (iii) Tiada kerosakan kawasan zon penampang alur air akibat daripada aktiviti pengusahasilan.

3.2 Alur Air

Alur air tidak tercemar dengan sisa-sisa pembalakan dan bahan buangan sama ada dalam bentuk pepejal atau cecair.

3.3 Pokok Ibu dan Pokok Perlindungan

Pokok Ibu dan Pokok Perlindungan tidak ditebang atau dirosakkan semasa aktiviti pengusahasilan dijalankan (bagi Kawasan Lesen dalam HSK).

4. Pengeluaran Kayu

4.1 Kayu di Matau

- (i) Bilangan tual dan anggaran isipadu kayu di matau (bagi semua Kawasan Lesen).
- (ii) Spesies dan nombor tag tual balak di matau adalah bersesuaian dengan butiran dalam Buku Penandaan Pokok dan Kawalan Pengeluaran Kayu (bagi Kawasan Lesen yang dijalankan Penandaan Pokok).

4.2 Tukul Tanda Pengelasan

Semua tual balak yang dibawa keluar dari Kawasan Lesen telah dicap Tanda Pengelasan.

4.3 Pengumpulan Kayu

Sekiranya kayu balak dari beberapa Kawasan Lesen diletakkan dalam matau utama yang sama, kayu balak dari setiap Kawasan Lesen dikumpul secara berasingan.

5. Syarat-syarat Tambahan Lesen

Syarat-syarat tambahan lesen dipatuhi.

JABATAN PERHUTANAN NEGERI

BORANG SITAAN

1. Tempat dan premis yang diperiksa:
2. Nama /alamat tuan punya barang (jika ada):
3. Adakah tuan punya barang hadir masa diperiksa ? Ya / Tidak
4. Nama anggota Jabatan Perhutanan masa pemeriksaan:
5. Tarikh pemeriksaan..... Masa pemeriksaan.....
6. Barang-barang yang disita:

Bil.	Barang-barang yang disita	Di mana dijumpai	No. ID

.....
Pegawai Hutan yang
Menyita

Tarikh:

JABATAN PERHUTANAN NEGERI

SERAHAN BARANG-BARANG KES

1. Nama dan Pangkat Pegawai yang menyerahkan barang kes:
.....
2. Nama Pegawai Penyiasat yang menerima barang kes :
.....
3. Tarikh : Masa :
4. Barang-barang kes yang diserahkan :

Bil.	Barang Kes	Tandatangan

.....
Pegawai yang menyerahkan

.....
Pegawai yang menerima

Nota:

Isi borang ini dalam tiga (3) salinan. Serahkan dua (2) salinan kepada Pegawai yang menerima barang kes dan satu (1) salinan disimpan oleh Pegawai yang membuat serahan.

Lampiran E

ASPEK PEMERIKSAAN KAWASAN BERHUTAN

Aspek yang perlu diteliti dan disemak semasa membuat pemeriksaan ke atas kawasan berhutan adalah seperti berikut:

1. Kawasan Hutan Simpanan Kekal

Perkara yang perlu diperiksa meliputi:

- 1.1 aktiviti mengambil apa-apa hasil hutan tanpa kebenaran (seksyen 15, APN 1984) [definisi hasil hutan dalam HSK adalah di bawah seksyen 2(1)(a), APN 1984];
- 1.2 perbuatan menduduki atau menjalankan sebarang aktiviti dalam HSK tanpa kebenaran [seksyen 32(1), APN 1984];
- 1.3 perbuatan memasuki hutan tertutup tanpa kebenaran [seksyen 47(1) dan (4), APN 1984];
- 1.4 perbuatan menggunakan jalan hutan tanpa kebenaran [seksyen 50(4), APN 1984];
- 1.5 semua perbuatan yang dilarang di dalam HSK (seksyen 81, APN 1984) iaitu:
 - (i) melepas ternakan dan membenarkan ternakan meragut;
 - (ii) menebang, memotong, menggelang, menanda, menutuh atau menoreh mana-mana pokok; atau merosak dengan api, atau selainnya, atau memindah mana-mana pokok atau kayu;
 - (iii) menyebabkan apa-apa kerrosakan semasa menebang mana-mana pokok atau memotong atau mengheret mana-mana kayu;
 - (iv) mencari, mengambil, mendedahkan kepada apa-apa proses pengilangan atau memindah apa-apa hasil hutan atau mineral;
 - (v) membersih atau membajak mana-mana tanah untuk tanaman atau apa-apa maksud lain;
 - (vi) menggunakan bahan beracun, atau dinamit atau bahan letupan lain di dalam sungai atau tasik bagi maksud menangkap ikan; atau memburu, menembak, menangkap ikan atau memasang jerat atau menjebak; atau
 - (vii) menceroboh dengan apa juar cara yang sebelum ini tidak dilarangi dalam seksyen ini.

- 1.6 perbuatan menyalakan, menyimpan atau membawa apa-apa api, atau membiarkan apa-apa api menyala dengan apa-apa cara yang membahayakan HSK (seksyen 82, APN 1984);
- 1.7 perbuatan membuang sampah-sarap secara mengganggu dalam HSK (seksyen 83, APN 1984);
- 1.8 perbuatan melancung atau mencacat atau memiliki alat bagi melancung tanda pada pokok dan kayu dan mengubah tanda sempadan [seksyen 86(d), APN 1984]; dan
- 1.9 perbuatan tidak mematuhi larangan menggunakan saluran air dan jalan hutan dalam HSK [seksyen 98(2), APN 1984].

2. Kawasan Tanah Kerajaan

Perkara yang perlu diperiksa ialah aktiviti mengambil apa-apa hasil hutan tanpa kebenaran di bawah Seksyen 15, APN 1984. Definisi hasil hutan dalam tanah Kerajaan adalah di bawah seksyen 2(1)(b), APN 1984.

3. Kawasan Tanah Berimilik, Tanah di bawah Lesen Pendudukan Sementara, Tanah Lombong dan Tanah Rizab

Perkara yang perlu diperiksa ialah aktiviti memindah apa-apa hasil hutan tanpa kebenaran di bawah seksyen 40(1), APN 1984. Definisi hasil hutan dalam tanah berimilik, tanah di bawah Lesen Pendudukan Sementara (LPS), tanah lombong dan tanah rizab adalah di bawah seksyen 2(1)(c), APN 1984.

BORANG MAKLUMAT ADUAN PELANGGAN
JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

A. BUTIR-BUTIR PENGADU

NAMA:

JAWATAN:

ALAMAT:

.....
.....

No. Tel. :

B. MAKLUMAT ADUAN PELANGGAN

Aduan diterima melalui [tandakan (✓) dalam ruangan berkaitan]:

Surat Telefon Datang Sendiri Akhbar

Lain-lain (nyatakan):

Perkara :

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

Nama Penerima Aduan :

Jawatan :

Tandatangan :

Tarikh Aduan Diterima :

C. MAKLUMAT SIASATAN

(i) Hasil Siasatan:

.....
.....
.....
.....

(ii) Syor Tindakan Pembetulan:

.....
.....
.....

Nama:

Jawatan:

Tandatangan: Tarikh:

D. TINDAKAN PEMBETULAN YANG DIAMBIL

(i) Tindakan Pembetulan:

.....
.....
.....

(ii) Cadangan (jika ada):

.....
.....
.....

Nama:

Jawatan:

Tandatangan: Tarikh :